

Matrikulasi USM *Dalam Kenangan*

1977 - 2000



**PERPUSTAKAAN
TAMBAHAN**

m
LG396.5
A23U43
2000

Universiti Sains Malaysia

Matrikulasi USM Dalam Kenangan

Jawatankuasa Eksekutif



Dari kiri: Tn. Syed Yusof, Dr. Kamaruzaman, Dr. Mohd. Nawawi, Dr. Mohd Jain, Tn. Hj. Shahul, Dr. Amat Ngilmi dan Dr. Abdul Halim

Pengarah:

Prof. Madya Dr. Mohd. Jain Noordin Mohd. Kassim

Timbalan Pengarah:

Dr. Mohd. Nawawi Mohd. Nordin

Penolong Pendaftar:

Tuan Haji Mohd. Shahul Hamid

Pengerusi Rancangan:

Dr. Amat Ngilmi Ahmad Sujari (Kimia)

Dr. Jamaludin Md. Ali (Matematik)

Dr. Abdul Halim Abdul Aziz (Fizik)

Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Mohamed (Biologi)

Tuan Syed Yusof Syed Kechik (Bahasa Inggeris)

Matrikulasi USM Dalam Kenangan

Kata-kata Aluan Naib Canselor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Perpisahan Matrikulasi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mencoret sepetah dua kata dalam buku cenderamata ini.

Sekalung tahniah kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Majlis Perpisahan khususnya dan Pusat Matrikulasi amnya atas usaha bagi menjayakan majlis ini.

Majlis Perpisahan Pusat Matrikulasi ini merupakan satu detik yang begitu menyentuh perasaan saya sebagai Naib Canselor kerana Pusat ini telah banyak menabur bakti kepada kecemerlangan pendidikan di negara ini. Memandangkan Pusat Matrikulasi ini akan di tutup tidak lama lagi, ini merupakan kehilangan yang besar kepada pendidikan negara amnya dan pelajar-pelajar bumiputera khususnya.

Dengan sendirinya kini kita sampai kepada penghujung hayat suatu pusat yang banyak menyumbang kepada perkembangan bilangan siswazah, terutamanya bumiputera di USM. Bermula sebagai Pusat Sains Asas pada tahun 1970, ianya dijadikan Unit Matrikulasi dan kemudiannya Pusat Matrikulasi mulai sidang akademik 1977-1978. Sesungguhnya dalam ruang yang terhad ini tidak dapat saya perincikan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Pusat Matrikulasi.

Majlis Penutupan ini merupakan satu pengiktirafan khusus ke atas semua peringkat staf Matrikulasi yang selama ini berusaha gigih menjayakan wawasan USM. Sumbangan dan pengorbanan mereka dalam menjulang nama Pusat Matrikulasi khususnya dan USM secara keseluruhannya pastinya tidak dilupakan begitu sahaja.

Sekian. Wassalam.



Dato' Prof. Ishak Tambi Kechik

Naib Canselor

Kata-kata Aluan Pengarah

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan keizininannya kita dapat menjayakan Majlis "Matrikulasi USM Dalam Kenangan" sempena detik rasmi berakhirnya Program Matrikulasi USM.

Alhamdulillah, setelah hampir 30 tahun Program Matrikulasi ini diperkenalkan, kita telahpun berjaya menghasilkan 17,660 orang pelajar yang sebahagian besarnya telah berijazah dalam pelbagai bidang pengajian, khususnya bidang Sains, Teknologi dan Perubatan dari Universiti Sains Malaysia. Malahan 700 orang daripada mereka ini telahpun berjaya melanjutkan pelajarannya di peringkat ijazah dalam pelbagai bidang, terutamanya Perubatan, Pergigian, Kejuruteraan, Sains Komputer dan Senibina di luar negara.

Begitu banyak kejayaan-kejayaan yang telah ditempa oleh dan melalui Program Matrikulasi sekiranya diperincikan satu persatu. Di kesempatan ini izinkan saya untuk merakam ucapan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor atas kepercayaan dan sokongan kepada semua staf Pusat Matrikulasi dalam menjayakan misi dan objektif Pusat Matrikulasi. Setinggi-tinggi penghargaan dan syabas saya tujukan kepada semua staf yang terlibat dalam Program Matrikulasi dari mula penubuhannya hingga kini yang dengan penuh iltizam dan kegihannya telah berjaya merealisasikan objektif Program Matrikulasi USM. Jutaan terima kasih dan penghargaan saya ucapkan kepada Dekan-Dekan Pusat-Pusat Pengajian, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit-Unit di USM dan juga Pengarah-Pengarah Pusat-Pusat Francais yang telah berkerjasama dalam menjayakan Program Matrikulasi USM.

Akhir sekali, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua ahli jawatankuasa Majlis Perpisahan Matrikulasi dan juga semua mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Perpisahan "Matrikulasi USM Dalam Kenangan" ini. Sekian, wassalam.



Prof. Madya Dr.
Mohd Jain Noordin
Mohd. Kassim
Pengarah
Pusat Matrikulasi

[Handwritten signature of Prof. Madya Dr. Mohd Jain Noordin Mohd. Kassim]

679483

m
LG396.5
A23443
2000

Kata-kata Aluan Pengerusi

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata pada majlis ini. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Jawatankuasa Majlis Penutup ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan kerana sudi menghadiri Majlis Perpisahan Pusat Matrikulasi ini. Kehadiran Y.Bhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke Majlis ini amatlah membanggakan dan dapat menyerikan lagi Majlis yang tidak seberapanya ini.

Majlis Perpisahan ini adalah satu pengiktirafan dan penghormatan bagi para Pensyarah, Guru dan Kakitangan Pusat Matrikulasi di atas sumbangan dan usaha mereka dalam mengharumkan nama USM. Segala usaha mereka untuk menuju ke arah kejayaan dan kecemerlangan para pelajar Matrikulasi amatlah disanjung. Semoga segala usaha sebegini dapat diteruskan dan dikembangkan di tempat tugas yang baru nanti.

Semoga Majlis Perpisahan ini akan menjadi titik tolak kepada suatu perjalanan baru dalam karier masing-masing selepas berakhirnya usia Pusat Matrikulasi.

Akhir kata saya memberi sekalung tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Majlis Penutup atas kejayaan menganjurkan Majlis Perpisahan ini.

Sekian, terima kasih.



RABIAH B.A. CARRIM
Pengerusi
Jawatankuasa Majlis Perpisahan Matrikulasi

[Handwritten signature of RABIAH B.A. CARRIM]